

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MAC 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Definisi 'Gelombang Haba' Dipersetujui - MOSTI	BERNAMA
2.	Satelit bumi kedua negara siap sebelum hujung 2017	Utusan Malaysia
3.	Saintis wanita bukti kehebatan	Utusan Malaysia
4.	Gerhana Bulan Penumbra Pada Malam 23 Mac - Angkasa	BERNAMA
5.	Sekolah Di Kedah Dan Perlis Ditutup Dua Hari Mulai Esok - Mahdzir	BERNAMA
6.	El-Nino: JLKN Dapatkan Nasihat Sebelum Laksana Aktiviti Luar	BERNAMA
7.	Stesen Satelit Bumi Tuaran Perlu Siap Sebelum Pelancaran RazakSat2 - Madius	BERNAMA
8.	Ekoran Kedah dan Perlis catat suhu panas melampau Sekolah ditutup dua hari	KOSMO
9.	413,786 Boleh Cuti	Harian Metro
10.	It's a knockout heat	The Star
11.	Battling 276 fires on equinox day	The Star
12.	A sweltering 37°C in four states	The Star
13.	Tuaran district in Sabah to be propelled into space age	The Star
14.	School closure affects 413,786 students	New Straits Times
15.	Higher temperatures in Kedah, Perlis	New Straits Times
16.	Kedah, Perlis may see mercury rising to just below 40 degrees	Malay Mail
17.	Dry spell to delay padi replanting	Malay Mail



Definisi 'Gelombang Haba' Dipersetujui - MOSTI



Datuk Seri Madius Tangau (Gambar fail Bernama)

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani El-Nino dan Cuaca Kering pada hari ini bersetuju dengan definisi gelombang haba (heatwave) yang digunakan oleh Jabatan Meteorologi.

Menurut definisi itu Tahap 0: Suhu di bawah 35 Celsius (Pemantauan); dan Tahap 1: Suhu maksimum antara 35C hingga 37C selama tiga hari berturut-turut (Keadaan berjaga-jaga).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam kenyataan hari ini berkata, Tahap 2: Suhu maksimum melebihi 37C untuk tiga hari berturut-turut (pengisytiharan 'heatwave' oleh MOSTI bagi pihak lain mengambil tindakan selanjutnya seperti penutupan sekolah dan sebagainya);

Tahap 3: Suhu melebihi 40C untuk 3 hari berturut-turut (Pemakluman kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Perdana Menteri akan mengisytiharkan kecemasan).

Katanya, pemantauan cuaca terkini oleh pihak MetMalaysia pada hari ini, setakat jam 4.00 petang di sembilan lokasi adalah seperti berikut: Batu Embun, Pahang (37.0C); Chuping, Perlis (37.0C); Keningau, Sabah (37.0C); Prai, Pulau Pinang (37.0C) dan Temerloh, Pahang (36.0C).

Manakala Lubok Merbau, Perak (36.0C); Ipoh, Perak (36.0C); Kuala Krai, Kelantan (36.0C); dan Alor Star, Kedah (36.0C).

Katanya, keadaan yang sama dijangka juga berlaku pada esok (22 Mac).

Kejadian jerebu tempatan juga akan turut terjadi kesan daripada cuaca panas dan aktiviti manusia seperti industri, kenderaan bermotor dan pembakaran hasil buangan sisa pertanian.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya yang melibatkan aktiviti perkhemahan.

"Pada masa yang sama, orang ramai turut dinasihatkan supaya menghadkan aktiviti luar semasa keadaan cuaca panas terutamanya di sebelah petang," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)



MADIUS TANGAU (tengah) melihat pelan asal tapak Pusat Sains Negara di Kampung Laya-Laya, Tuaran, Sabah, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

Satelit bumi kedua negara siap sebelum hujung 2017

TUARAN 21 Mac - Pembinaan stesen satelit bumi kedua negara di daerah ini yang bernilai RM27.5 juta perlu memulakan pembinaannya supaya dapat beroperasi selewat-lewatnya tahun depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, jangkaan itu perlu untuk memastikan kesinambungan pembinaan stesen tersebut dengan pelancaran satelit RazakSAT-2 iaitu sebuah satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi.

Menurutnya, stesen satelit bumi yang dibina di atas tanah seluas 2.9 hektar itu akan berperanan sebagai pusat kawalan dan perhubungan sistem satelit yang mengorbit bumi di ruang angkasa.

"Tender juga telah dibuka bagi kerja-kerja pembinaan. Pihak Kementerian mahu pembinaan bangunan, satelit bumi ini dijalankan segera dan siap dalam tahun ini atau tahun depan supaya selari dengan pelancaran RAZAKSAT-2," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat tapak pembinaan bangunan stesen satelit bumi itu dan Pusat Sains Negara cawangan Sabah di Kampung Laya-Laya, di sini hari ini.

RazakSAT-2 merupakan kesinambungan program satelit RazakSAT yang dilancarkan pada 14 Julai 2009 dengan skop teknologi pembangunan RazakSAT-2 adalah untuk menaik taraf keupayaan sistem terutama dari

segi perisian dan peralatan satelit.

Satelit penderiaan jauh pertama negara, RazakSAT dilancar di Kwajalein Atoll, Republik Marshall Islands menerusi kenderaan pelancar, Falcon 1 yang dikendalikan Space Exploration Technologies Amerika (SpaceX).

Ditanya pemilihan Tuaran sebagai lokasi membina infrastruktur itu, Madius berkata, keadaan geografi dan kawasan tanah luas tersedia merupakan faktor daerah itu dipilih bagi membangunkan stesen tersebut.

Mengulas mengenai pembinaan Pusat Sains Negara di negeri ini, Madius berkata, perkara tersebut masih dalam perbincangan bersama agensi berkaitan lain termasuk Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi penelitian bajet pembinaan itu.

Kata beliau, beberapa pendekatan baharu akan disuntik dalam pembinaan Pusat Sains Negara di Sabah bagi menanam minat masyarakat negeri ini dengan ilmu sains dan teknologi selain penekanan elemen futuristik.

"Pembinaan ini masih di peringkat perbincangan dengan EPU dari segi kos dan bajetnya. Kita berharap Pusat Sains Negara ini mampu disiapkan dalam tempoh dua tahun.

"Kita mahu mengajak masyarakat yang 'membenci' sains supaya merubah persepsi itu sekali gus berupaya melahirkan masyarakat berkemahiran sains menjelang tahun 2020," katanya.

Oleh NURSYAMIMI SAIDI
nursyamimi.saidi@utusan.com.my

MENJADI saintis wanita di Malaysia bukanlah satu isu yang baharu di negara kita kerana peluang tersebut telah terbuka luas sejak sekian lama dahulu memandangkan potensi wanita dalam bidang tersebut sentiasa ditagih.

Walaupun mungkin masih tidak dapat menandingi jumlah saintis lelaki, mereka sentiasa didorong oleh semangat mahu menyahut cabaran dalam menguasai bidang tersebut.

Sungguhpun perlu memegang status sebagai seorang isteri dan ibu, kunci utama kejayaan mereka adalah bijak membahagikan masa tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap dua perkara tersebut.

Itu antara persamaan ada pada tiga wanita hebat ini yang mengukir kejayaan dalam bidang sains, iaitu Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, **Datuk Che Gayah Ismail**, Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, **Datuk Fadilah Baharin**, dan pensyarah Institut Penyelidikan, Pembangunan, dan Inovasi (IRDI), Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), **Dr. Wong Chiew Yen**.

Ketiga-tiga wanita ini berkongsi kisah kejayaan masing-masing pada Forum Wanita Dalam Sains anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersempena dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktisad Wanita di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil**. Hadir sama Ketua Setiausaha MOSTI, **Datuk Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur**.

BEKAS PESAKIT KANSER

Bagi **Fadilah Baharin**, beliau yang pada mulanya menyambung pelajaran dalam bidang nuklear, tidak menyangka penyertaannya dalam sektor kerajaan diterima walaupun ketika itu sangat kurang jumlah saintis wanita yang menceburi bidang sains.

Tidak dinafikan banyak cabaran yang perlu dilalui sehingga berada di tahap sekarang, namun beliau mengakui, segala kekuatan datang daripada niat bahawa perlu melakukan dengan cara paling terbaik bagi menyerlahkan kemampuannya di mata majikan dan paling penting, apa sahaja yang dilakukan perlu disumbangkan kembali kepada masyarakat.

"Tipu kalau orang kata wanita mudah menembusi bidang yang dikuasai lelaki, kerana apa yang anda lihat sekarang adalah usaha dan pengorbanan terdahulu yang perlu dilakukan antara kerjaya dan keluarga. Untuk mencapainya, sokongan daripada suami dan keluarga adalah sangat penting," katanya yang mempunyai empat orang anak.

Melihat kepada luarannya sebagai seorang wanita yang berperwatakan



FADILAH BAHARIN

lambut, **Fadilah** sebenarnya seorang bekas pesakit kanser payu dara tahap empat yang hampir meragut nyawanya saat beliau berada di puncak karier di Jabatan Standard Malaysia.

"Saya mengambil masa dua tahun untuk menerima kenyataan bahawa saya mempunyai penyakit yang sangat digeruni wanita. Bayangkan dalam tempoh berperang melawan penyakit, saya diduga lagi apabila suami saya dijemput menghadap Ilahi.

"Terasa gelap seketika dunia saya saat itu, mana tidaknya suami yang sentiasa ada untuk memberikan semangat dan kata-kata motivasi untuk terus berjuang melawan kanser, tiba-tiba tiada lagi di sisi. Apabila

kakak saya mengambil alih peranan arwah suami, dia pula meninggal dunia dan meninggalkan lima orang anaknya kepada saya.

"Sudahlah sakit, saya hilang lagi tempat bergantung. Ketika itu barulah saya sedar tidak guna saya merintih kerana saya sahaja harapan kepada anak dan anak saudara saya untuk bergantung. Saya perlu kuat untuk melawan penyakit ini dan berkat keyakinan dan sikap positif, saya berjaya mengharungi dugaan tersebut dan kini telah pulih daripada kanser," ujarnya.

Tambahnya, ketika berjuang melawan penyakit tersebut majikan dan pekerjaanya

banyak memberikan sokongan dan bantuan.

Walaupun banyak mengambil cuti sepanjang mendapat rawatan, beliau tidak sesekali mengabaikan tanggungjawab yang telah diberi dengan memastikan segala tugas dilakukan mengikut perancangan dan sebolehnya tidak mahu ketiadaannya di pejabat mengganggu proses kerja.

Kini, dia boleh menarik nafas lega selepas disahkan bebas daripada kanser dan lebih mengambil berat tentang soal kesihatan berbanding dahulu.

Malah, kisahnya diharap menjadi pemangkin semangat kepada generasi muda yang mahu menceburi bidang sains tetapi takut untuk berhadapan dengan cabaran, supaya sentiasa bersedia dan tahu bagaimana untuk melaluinya tanpa sebarang penyesalan.

PELUANG SAMA RATA

Dalam pada itu, **Che Gayah**, yang menerajui Jabatan Meteorologi Malaysia, mengakui beliau bertuah kerana jabatannya mempunyai jumlah saintis wanita yang sama dengan rakan sejawat lelaki, berbanding jumlah felo saintis wanita di Akademi Sains Malaysia hanya sebanyak 18 peratus.

Bagi skop dalam bidang meteorologi,

beliau tidak menghadapi masalah kekurangan saintis wanita, cuma yang membezakan bagaimana mereka perlu membawa diri dalam bidang yang memerlukan penguasaan menyeluruh.

"Dasar kerajaan telah lama berubah untuk memberi peluang kepada wanita menguasai bidang kritikal, namun yang menjadi masalah adalah bagaimana untuk menguruskan masa dengan baik antara kerja dan anak-anak terutama bagi saintis wanita yang masih mempunyai anak kecil.

"Tidak dinafikan kelompok ini akan menghadapi tekanan yang besar, malah produktiviti yang terhasil adalah kurang, tetapi apabila usia anak-anak sudah mencapai sesuatu tahap, wanita adalah pekerja paling terbaik.

"Di situ kita boleh nampak bagaimana hebatnya peranan wanita di tempat kerja yang langsung tidak mencampur-aduk masalah di rumah dengan apa yang dilakukannya di tempat kerja.

"Disebabkan itulah kerjasama antara majikan dan pekerja perlu dititikberatkan kerana majikan perlu memahami tanggungjawab wanita terhadap keluarga. Apa yang penting segala kerja yang diberikan selesai dan menepati kehendak organisasi," ujarnya.



CHE GAYAH ISMAIL



Saintis wanita bukti kehebatan

Biarpun penglibatan wanita terhadap potensi mereka sentiasa jadi sandaran

SAMBUNGAN...
KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SHAHRIZAT ABDUL JALIL diiringi **Noorul Ainur Mohd. Nur** (kanan) bersalaman dengan peserta yang hadir pada **Forum Wanita Dalam Sains** anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sempena **Hari Wanita Antarabangsa 2016** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



**MENCORAK SENDIRI
MASA DEPAN**

Bagi **Dr. Wong Chiew Yen** pula, beliau yang diberi kebebasan oleh ibu bapanya dalam mencorakkan masa depan, menggunakan peluang itu sehabis baik untuk menonjolkan kemampuan dan potensi diri dalam bidang sains.

Beliau berjaya melakukan penyelidikan di Antartika dan Artik, yang membuktikan wanita juga mampu melakukan kerja ekstrem seperti lelaki.

Ujarnya, apabila lelaki menganggap wanita adalah lemah, persepsi tersebut adalah salah kerana sebenarnya golongan **Hawa** lebih kuat kerana perlu menguruskan banyak perkara dalam satu sama.

"Wanita perlu menjaga ibu bapa mereka, suami, dan anak-anak yang mana bukan semua lelaki mampu menguruskannya. Jadi, saya sangat berbangga dengan kejayaan wanita dalam apa jua bidang yang diceburi mereka kerana membuktikan bahawa wanita juga boleh melakar kejayaan untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara," katanya.



**DR. WONG
CHIEW YEN**



Gerhana Bulan Penumbra Pada Malam 23 Mac - Angkasa

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan fenomena Gerhana Bulan Penumbra yang akan berlaku pada Rabu ini (23 Mac).

Ketua Unit Komunikasi Korporat Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Wan Hakimah Abd Rahim dalam satu kenyataan di sini berkata fenomena gerhana tersebut hanya mula dapat disaksikan apabila bulan mulai terbit pada pukul 7.21 malam sehingga 9.55 malam ketika bulan keluar sepenuhnya dari bayang penumbra bumi.

"Ini merupakan gerhana bulan pertama tahun ini dan diameter bulan yang dilihat adalah lebih kecil daripada diameter purata bulan memandangkan gerhana berlaku 2.1 hari sebelum bulan berada pada kedudukan paling jauh dengan bumi atau kedudukan "Apogi" 77.5 peratus.

"Bulan akan melintasi bayang penumbra Bumi semasa fasa maksimum," katanya.

Beliau berkata pihak ANGKASA; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Starfield Instruments Supply akan menganjurkan program Gerhana Bulan Penumbra mulai pukul 7.30 malam hingga pukul 9.30 malam di Planetarium Negara.

Menurutnya ANGKASA akan menyediakan beberapa teleskop untuk tujuan mencerap Gerhana Bulan Penumbra dan planet Musytari selain orang awam dialu-alukan untuk membawa teleskop sendiri.

-- BERNAMA



Sekolah Di Kedah Dan Perlis Ditutup Dua Hari Mulai Esok - Mahdzir

PETALING JAYA, 21 Mac (Bernama) -- Ekoran cuaca panas melampau, semua sekolah di Kedah dan Perlis diarah tutup selama dua hari bermula esok.

Ketika mengumumkan perkara itu hari Isnin, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata keputusan itu diambil setelah mendapat nasihat daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan susulan suhu yang melebihi 37 darjah Celcius.

"Hanya proses pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah di dua negeri itu ditutup. Bagaimanapun, guru-guru perlu hadir ke sekolah," katanya kepada pemberita selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pendidikan) daripada Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya di Damansara, hari ini.

Tunku Temenggong Kedah Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah mengurniakan anugerah itu.

Turut hadir Menteri Besar Kedah Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Mahdzir berkata kementeriannya juga akan terus memantau keadaan cuaca di negeri-negeri lain dan akan membuat pengumuman lanjut berdasarkan keadaan semasa.

Semalam, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata sekolah di sesuatu kawasan akan ditutup jika suhu melebihi 37 darjah Celsius selama lebih 72 jam.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering disebabkan fenomena El Nino dan Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan (KPM) menyatakan sebanyak 853 sekolah termasuk 621 sekolah rendah dan bakinya sekolah menengah serta 413,786 pelajar di Kedah dan Perlis terlibat dalam penutupan sekolah itu.

Mereka terdiri daripada 397,832 murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah serta 15,954 murid prasekolah.

Menurut KPM, penutupan sekolah di kedua-dua negeri itu tidak perlu diganti dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terbabit perlu sentiasa memantau bagi memastikan pematuhan arahan penutupan itu.

"KPM ingin menegaskan bahawa penutupan ini hanyalah melibatkan ketidakhadiran murid-murid sahaja. Operasi pentadbiran sekolah kecuali aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) murid, hendaklah berjalan seperti biasa," kata KPM dalam kenyataan di sini.

KPM juga akan mengeluarkan pemakluman dari semasa ke semasa berhubung sebarang perubahan berkaitan fenomena itu.

-- BERNAMA



El-Nino: JLKN Dapatkan Nasihat Sebelum Laksana Aktiviti Luar

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) akan mendapatkan pandangan agensi berkaitan sebelum melaksanakan aktiviti luar pada Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 berikutan cuaca panas akibat fenomena El-Nino ketika ini.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Johari Baharum berkata ia bagi memastikan kelancaran program tersebut serta kesihatan para pelatih.

"Kita akan mendapatkan khidmat nasihat dari Kementerian Kesihatan dan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) sebelum melaksanakan sebarang aktiviti luar.

"Sekiranya keadaan cuaca terlalu panas, aktiviti luar seperti kawad kaki akan dibuat di kawasan tertutup seperti di dalam dewan," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan Surat Setuju Terima kepada 81 pengusaha Kem PLKN seluruh negara di Wisma Perwira di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Ketua Pengarah JLKN Datuk Mohmed Asri Yusof.

PLKN siri 13/2016 akan bermula pada 26 Mac hingga 24 Mei melibatkan sebanyak 20,000 pelatih.

Kementerian Kesihatan pada Jumaat lepas melaporkan pihaknya menerima sebanyak 11 kes kelesuan haba dan tiga strok haba berikutan cuaca panas yang sedang melanda negara.

Di KANGAR, cuaca panas terik menjejaskan kelancaran aktiviti harian orang ramai termasuk pelajar sekolah.

Tinjauan Bernama di Chuping, kawasan terpanas di Malaysia, mendapati orang ramai dan pelajar menjalankan tugas harian seperti biasa tetapi mereka mengambil pelbagai langkah perlindungan demi kesihatan diri.

Ketua Pembantu Tadbir Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup, Chuping, Naurah Ariffin berkata sebelum kementerian mengumumkan penangguhan persekolahan selama dua hari ini, pengurusan sekolah telah mengeluarkan arahan menghadkan pelbagai aktiviti di luar bilik darjah seperti sukan dan permainan padang.

"Pihak sekolah juga telah membuat keputusan untuk menangguhkan peperiksaan penggal pertama yang dijadualkan sebelum Kementerian Pendidikan mengumumkan keputusan memberi cuti dua hari, esok dan lusa," katanya.

Seorang waris pelajar, Zaihasra Hayazi, 27, menyokong keputusan Kementerian Pendidikan memberi cuti dua hari kerana menyifatkan cuaca terlampau panas boleh menjejaskan kesihatan murid-murid dan berisiko terdedah kepada penyakit.

Penjual cendol di Chuping itu dalam pada itu berkata cuaca panas menambah rezeki beliau kerana gerainya tidak putus-putus dikunjungi pelanggan.

"Biasanya saya menjual kira-kira 200 mangkuk ais sagat (air batu campur) sehari dan 400 mangkuk pada hujung minggu tetapi dalam beberapa hari ini jualan meningkat mendadak," katanya.

Seorang Eksekutif Kejuruteraan Sivil syarikat perladangan, MSM Perlis Sdn Bhd, Zainol Awang Kechik, 57, yang memantau kerja-kerja pemasangan paip air di kawasan perumahan syarikat itu di Chuping berkata kerja tersebut perlu dilaksanakan walaupun keadaan cuaca panas dan kering.

"Bagaimanapun saya menasihatkan para pekerja supaya minum banyak air masak. Pihak syarikat juga menyediakan air mineral untuk mereka," katanya.

Kerja-kerja pemasangan itu dilaksanakan sejak 7 Feb lepas.

Sementara itu, pengarah Jabatan Pendidikan Perlis, Izmi Ismail berkata berikutan arahan cuti, sekolah-sekolah yang merancang mengadakan peperiksaan penggal pertama mulai esok hendaklah menjadualkan semula peperiksaan tersebut.

"Saya juga telah mengarahkan sebarang aktiviti di luar bilik darjah disesuaikan agar tidak memudaratkan para pelajar," kata Izmi.

Di ALOR SETAR, dua kes melibatkan keletihan dikesan akibat cuaca panas yang dicatatkan di Kedah sejak awal Mac sehingga semalam.

Pengarah Kesihatan Negeri Datuk Dr Norhizan Ismail berkata kedua-dua kes di daerah Kulim pada 20 Mac melibatkan pelajar wanita - seorang pelajar sekolah menengah berumur 15 tahun dan seorang pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) berumur 19 tahun.

"Kes pertama melibatkan pelajar tingkatan tiga yang telah menunjukkan beberapa simptom keletihan dan telah dibawa ke klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan.

"Pelajar terbabit dibenarkan pulang selepas menerima rawatan lanjut.

"Pelajar berumur 19 tahun pula telah dibawa ke Klinik Kesihatan untuk mendapatkan rawatan namun telah dirujuk ke Jabatan Kecemasan Hospital Kulim dan kini dimasukkan wad untuk pemeriksaan lanjut," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, pelajar berumur 15 tahun itu telah bermain di taman permainan dalam keadaan cuaca panas manakala pelajar berumur 19 tahun mengalami keletihan semasa berada di rumah.

Norhizan berkata mangsa yang datang ke klinik telah menunjukkan simptom-simptom seperti berasa pening dan mencatatkan suhu badan yang tinggi.

-- BERNAMA



Stesen Satelit Bumi Tuaran Perlu Siap Sebelum Pelancaran RazakSat2 - Madius

TUARAN, 21 Mac (Bernama) -- Pembinaan satelit bumi kedua di sini perlu disiapkan dalam tempoh terdekat sebelum projek satelit negara, RazakSat2, dilancarkan selewat-lewatnya tahun depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Wilfred Madius Tangau berkata stesen bumi itu, yang dibina di kawasan seluas 2.9 hektar dengan kos kira-kira RM27.5 juta, adalah amat penting kerana pelancaran RazakSat2 bergantung kepada persiapan stesen bumi berkenaan.

Beliau berkata stesen bumi itu akan berperanan sebagai pusat kawalan dan perhubungan sistem satelit yang mengorbit bumi di ruang angkasa.

"Pembinaan satelit bumi itu sudah ditenderkan. Stesen bumi itu amat penting bagi memantau satelit negara RazakSat2, yang mudah-mudahan akan dilancar selewat-lewatnya pada tahun depan.

"Ia bakal menjadi satelit kita yang pertama berfungsi memandangkan satelit sebelum ini tidak lagi berfungsi," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan stesen bumi itu di Kampung Laya-Laya di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Persekutuan Sabah Datuk Borhan Dolah, Pengarah Pusat Sains Negara Anita Bahari dan Pegawai Daerah Tuaran Abdul Mohd Ibnu Abdul Kadir Baba.

Mengulas lanjut, Madius berkata Tuaran dipilih sebagai lokasi membina stesen itu setelah melihat faktor geografi selain adanya kawasan bersesuaian bagi pembangunan prasarana itu.

Kementerian juga mendapati pembinaan satelit bumi kedua itu tidak menjejaskan pembangunan sekitar malah akan mendorong peningkatan nilai hartanah di kawasan terbabit.

Terdahulu, Madius melawat tapak pembinaan Pusat Sains Negara Sabah di sini, yang akan menjadi lokasi menarik minat dan mempromosi bidang sains, teknologi dan inovasi kepada generasi muda di Sabah.

Pusat sains itu akan dibina selepas agensi seperti Unit Perancang Ekonomi dan Unit Kerjasama Awam Swasta selesai berbincang mengenai beberapa perkara penting termasuk tanah dan kos pembinaan.

Tanah seluas lapan hektar diperlukan bagi membangunkan pusat sains itu, yang dijangka dapat menerapkan beberapa elemen pintar dan futuristik bagi menarik lebih ramai pelajar meminati bidang sains dan inovasi.

"Pembinaan pusat sains ini adalah antara langkah pendidikan sains tidak rasmi kepada masyarakat...bidang ini menyeronokkan dan tidak membebankan, malah mempunyai masa depan cerah," katanya.



Fenomena Cuaca Panas Melampau

Ekoran Kedah dan Perlis catat suhu panas melampau Sekolah ditutup dua hari

Oleh AMIRUL AKMAL REDZWAN

KUALA LUMPUR - Fenomena cuaca panas melampau yang melanda negara sampai di kemuncaknya semalam apabila Kementerian Pendidikan mengarahkan semua 853 buah sekolah di Kedah dan Perlis ditutup selama dua hari mulai hari ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, arahan bagi penutupan semua sekolah di kedua-dua negeri tersebut melibatkan seramai 413,786 orang pelajar dan 37,132 guru di kedua-dua negeri berkenaan.

Beliau berkata, keputusan penutupan tersebut dibuat setelah mendapatkan nasihat daripada Jabatan Meteorologi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi susulan bacaan suhu yang melebihi 37 darjah Celsius.

Suhu purata normal di negara ini biasanya antara 21 darjah Celsius hingga 32 darjah Celsius.

"Penutupan berkenaan adalah sebagai langkah penjaan kesihatan murid sekolah ketika cuaca panas yang melampau melanda negara ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima penganugerahan Ijazah Kehormat Dok-



GURU Besar Sekolah Kebangsaan Kayang, Noridah Hamdan menulis notis cuti sekolah sambil diperhatikan oleh beberapa orang muridnya di sekolah tersebut di Kangar semalam.

Arahan bagi penutupan sekolah di kedua-dua negeri tersebut juga tidak perlu diganti semula



MAHDZIR

tor Falsafah (Pendidikan) daripada Canselor Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya, Tunku Temenggong Kedah Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan, Kementerian Pendidikan akan memutuskan sama ada akan menutup atau meneruskan sesi persekolahan di beberapa kawasan yang mencatatkan cuaca panas melampau iaitu melebihi 39

darjah Celsius.

Ini kali pertama sekolah di negara ini diarah tutup akibat cuaca panas yang melampau sehingga dikhuatiri menjejaskan kesihatan pelajar, guru dan pentadbir di sekolah.

Kementerian Pendidikan pernah mengarahkan penutupan sekolah akibat bencana banjir besar terburuk dalam sejarah negara pada tahun 2014 yang melibatkan Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Pada Oktober 2015, sekolah di tujuh buah negeri terpaksa ditutup berikutan peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang berpunca daripada jerebu yang teruk.



TIGA pelajar Sekolah Kebangsaan Tunku Raudzah, Alor Setar menikmati minuman yang dibeli di gerai di tepi jalan ketika cuaca panas semalam.

Negeri tersebut ialah Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Bagaimanapun, tambah Mahdzir, arahan itu hanya tertakluk kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid sahaja, manakala guru-guru dan kakitangan sekolah masih perlu hadir seperti biasa bagi operasi pentadbiran.

"Arahan bagi penutupan sekolah di kedua-dua negeri tersebut juga tidak perlu diganti semula.

"Kementerian bersama Jawatankuasa Khas akan terus memantau keadaan cuaca di negeri-negeri lain dan akan membuat pengumuman lanjut berdasarkan keadaan semasa," katanya.

413,786 BOLEH CUTI

■ Semua sekolah di Kedah, Perlis diarah tutup cuaca panas teruk

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi
imas@metro.com.my
Petaling Jaya

Semua sekolah di Kedah dan Perlis diarah tutup dua hari, bermula hari ini berikutan cuaca panas melampau.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid ketika mengumumkan perkara itu berkata, keputusan dibuat selepas berunding dan mendapatkan nasihat daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan serta mengambil kira peningkatan suhu di dua negeri terbabit yang kini mencecah 39 darjah Celsius.

"Berdasarkan pemantauan terhadap cuaca kering dan panas yang melanda negara sekarang, kami dapati beberapa daerah, khususnya di utara Semenanjung mencatatkan bacaan suhu melebihi 37 darjah Celsius secara berterusan, melebihi 72 jam.

"Semua sekolah di Kedah dan Perlis ditutup sehingga esok (Rabu) sebagai langkah penjagaan kesihatan murid ketika cuaca panas.

"Arahan ini bagaimanapun tertakluk kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) saja, sementara guru masih perlu datang ke sekolah seperti biasa," katanya selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pendidikan) daripada Kolej Universiti Sains Perubatan Cy

berjaya di sini, semalam.

Istiadat penganugerahan disempurnakan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah.

Sementara itu, kenyataan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) petang semalam memaklumkan arahan penutupan sekolah di dua negeri berkenaan membabitkan 413,786 pelajar menengah dan rendah di 853 sekolah.

Kenyataan itu turut menegaskan maksud penutupan hanya membabitkan ketidakhadiran murid saja, sementara operasi pentadbiran, kecuali PdP hendaklah berjalan seperti biasa.

Semua guru dan kakitangan sekolah perlu hadir meneruskan tugas seperti

FAKTA
Arahan penutupan melibatkan 853 sekolah

PELANCONG meneguk air membasah tekak yang kering ketika bersiar-siar di sekitar bandar raya Melaka.

PENGUSAHA ikan patin dalam sangkar, Fadziladukarni Mohd Marawi, 44, (kanan) bersama rakannya, Haniff Abd Jalil, 55, melihat air Sungai Pahang di Temerloh yang menjadi cetek akibat cuaca panas.

